

# RM140,000 'melayang' beli lot lidi

**Kuala Lumpur:** Suami isteri bukan saja kerugian RM140,000 malah impian untuk memiliki tanah dan rumah tidak kesampaian akibat diperdaya sindiket jual beli tanah pertanian lot lidi di Dengkil, Selangor.

Untuk rekod, lot lidi secara umum dikenali sebagai lot kecil tanah yang belum dipecah sempadankan kepada geran individu berasingan yang mana ia dijual kepada pembeli tanpa urusan pindah milik tanah.

Azlan, 60, berkata, dia membeli dua lot tanah berkeluasan 7,000 kaki persegi di Batu 29, Jalan Jenderam Salak pada 2017.

"Malah, saya membayar RM140,000 secara tunai kepada penjual terbabit pada 19 September 2017. Perjanjian jual beli itu pula berlangsung di sebuah firma guaman di Shah Alam, Selangor.

"Selepas proses itu, saya menunggu proses penukaran hak milik tanah kepada nama saya sebagai pembeli



MUSA (dua dari kanan) dan Hishamuddin (kanan) bersama mangsa pembelian tanah lot lidi.

dan sepanjang 2017 hingga kini, tiada sebarang maklum balas daripada penjual terbabit.

"Bukan itu saja malah penjual terbabit juga kini gagal dihubungi selain pejabatnya sudah ditutup," katanya pada sidang media.

Turut hadir isterinya yang mahu dikenali sebagai Nadia, 60, Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan

Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO) Datuk Hishamuddin Hashim dan Presiden Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC) Tan Sri Musa Hassan.

Azlan yang bekerja di sektor swasta menambah, dia sudah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam berkaitan kejadian dua minggu lalu.

"Pegawai bertugas di IPD Shah Alam juga memaklumkan yang polis banyak menerima kes-kes seperti itu serta mencadangkan saya untuk mengambil tindakan sivil," katanya.

Sementara itu, Hishamuddin memohon Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya menyiasat kes berkenaan di bawah jenayah penipuan.

"Ini kerana, berdasarkan maklumat yang kita terima, apabila laporan polis dibuat berkaitan lot lidi ini, sebahagian daripada pegawai penyiasat meminta supaya kes diklasifikasikan sebagai NFA (tiada tindakan lanjut) dan meminta pengadu untuk merujuk kepada majistret atau memulakan saman sivil.

"Jika kita hendak memulakan saman kepada syarikat yang mempunyai reputasi, saya tidak ada masalah kerana syarikat berkaitan mempunyai aset.

"Tetapi bagaimana pula dengan syarikat yang tidak mempunyai aset?" soalnya.